

RUSLI KAMARUDDIN

LWN

SITI MARIYAM SAID

[Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Sembilan, YAA Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar (Pengerusi), YA Dato' Haji Mohd Amran bin Mat Zain (Ahli Panel), YA Dato' Haji Hussin bin Haji Harun (Ahli Panel), Pada 21 Februari 2022 bersamaan 19 Rejab 1443H]

[Kes Mal (Rayuan) No. : 05000-037-0017-2020]

[Rayuan Terhadap Perintah Saman Penghutang Penghakiman Di Bawah Seksyen 176, 177 dan 178 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2003]

Peguam Syarie Perayu : Amir Hussin & Associates

Peguam Syarie Responden : Syafiq Norizan & Associates

ALASAN PENGHAKIMAN

PENDAHULUAN

[1] Kes ini adalah suatu rayuan yang difailkan oleh Pihak Perayu pada 10 September 2020 terhadap keseluruhan keputusan yang telah diberikan oleh YA Hakim Mahkamah Tinggi Syariah di Seremban Negeri Sembilan pada 10 September 2020. Dalam Kes Saman No. :05200-037-0319-2018 YA Hakim Bicara memutuskan sepertimana berikut-

- i. Penghutang Penghakiman membayar hutang nafkah anak-anak berjumlah RM32,550.00 dibayar dalam masa 3 bulan bermula bulan Oktober 2020. Penghutang Penghakiman membayar hutang nafkah anak-anak berjumlah RM32,550.00 dibayar dalam masa pada atau sebelum 3 Disember 2020 dibayar ansuran terus ke akaun bank Pemiutang Penghakiman No Akaun Bank Maybank 16205867808 (SITI MARIYAM BINTI SAID) sebanyak RM10,850.00 sebulan sehingga selesai;
- ii. Kegagalan mematuhi perintah ini adalah dianggap menghina mahkamah dan boleh dikenakan hukuman penjara;
- iii. Kos ditanggung oleh masing-masing pihak.

FAKTA KES

[2] Perayu dan Responden telah berkahwin pada 30 Mac 1994 dan bercerai pada tahun 2005. Hasil perkahwinan, mereka dikurniakan dengan empat (4) orang cahaya mata yang berumur di antara 26 tahun sehingga 34 tahun.

[3] Pada tarikh 12 Mac 2009 atas persetujuan Bersama, pihak-pihak telah merekodkan persetujuan Bersama mengenai perintah nafkah seperti berikut:

- a. Mahkamah memfardukan Defendan membayar nafkah untuk anak yang Bernama Azeatul Syarina binti Rusli sebanyak RM150 sebulan manakala nafkah untuk anak bernama Azeera Sharkila binti Rusli sebanyak RM350 sebulan berkuatkuasa April 2009;

b. Bayaran hendaklah dimasukkan ke dalam akaun CIMB 1474000813206 atas nama Azeera Sharkila binti Rusli.

[4] Berdasarkan perintah tersebut, Perayu dikehendaki membayar nafkah anak sebanyak RM500 pada setiap bulan.

[5] Pada 28 Mac 2018, Responden telah memfailkan permohonan ke mahkamah bagi mengeluarkan Saman Penghutang Penghakiman ke atas Perayu atas kegagalan Perayu mematuhi perintah nafkah anak bagi jumlah yang terhutang sebanyak RM32,550.00.

PROSIDING DI MAHKAMAH TINGGI SYARIAH

[6] Semasa prosiding di Mahkamah Tinggi Syariah, Perayu hadir setelah waran tangkap dikeluarkan pada 14/2/2020. Perayu tidak bersetuju dengan jumlah tunggakan yang dituntut oleh Responden kerana Perayu mengakui telah membuat bayaran. Walau bagaimanapun Perayu tidak mengemukakan bukti pembayaran yang dikatakan telah dibuat.

[7] Berdasarkan Alasan Penghakiman (rekod Rayuan hlmn 50) mahkamah bicara telah menyatakan di dalam alasan penghakimannya bahawa semasa prosiding pendengaran di Mahkamah Tinggi, mahkamah mendapati telah wujud pengakuan berhubung kegagalan Penghutang Penghakiman membuat bayaran sebagaimana diperintahkan.

[8] Setelah hakim bicara membuat siasatan terhadap Perayu, Hakim Bicara berpendapat bahawa Perayu perlu menyegerakan pembayaran hutang sebagaimana tunggakan yang dimohon oleh Responden.

PROSIDING DI MAHKAMAH RAYUAN SYARIAH

[9] Perayu telah memplidkan empat (4) alasan rayuan sebagaimana berikut:

- a. YA Hakim bicara telah tersilap dari segi fakta Undang-undang dan Hukum Syarak apabila mengambil kira keperluan dan pembayaran nafkah anak Bernama Azeera Sharkila binti Rusli boleh dikira terhenti setelah anak tersebut melangsungkan perkahwinannya pada 27 Mac 2015 sebagaimana dakwaan Pihak Pemiutang Penghakiman di perenggan 9 Afidavit Sokongan bertarikh 28 Mac sedangkan peruntukan Seksyen 80 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Sembilan 2003 menyatakan sebaliknya;
- b. YA Hakim bicara telah tersilap dari segi fakta Undang-undang dan Hukum Syarak apabila hanya mengambil kira ikrar Perayu yang tidak membayar nafkah nak-anak terus ke akaun CIMB Responden yang mana selepas penghakiman bertarikh 12 Mac 2009, anak-anak yang menjadi isu dalam tuntutan tinggal bersama Perayu tidak diambil kira. Anak bernama Azeera Sharkila binti Rusli tinggal bersama Perayu sehingga Disember 2011 dan kemudian tinggal di asrama sehingga selesai SPM 2013. Dalam tempoh tersebut keseluruhan perbelanjaan makan dan minum dan persekolahan ditanggung oleh Perayu; dan

- c. YA Hakim Bicara disebabkan terkhilaf dalam mengambilkira persoalan 1 dan 2, maka terkhilaf juga dalam membuat penghakiman apabila mensabitkan kegagalan Perayu mematuhi perintah nafkah anak bagi Kes mal bil: 05100-024-0104-2009 bertarikh 12 Mac 2009 bagi jumlah terhutang sebanyak RM32,550.00.

PENGHUJAHAN

Hujahan Perayu

[10] Perayu dalam hujahannya menyatakan dalam Alasan Penghakimannya YA Hakim Bicara langsung tidak menyentuh berkaitan keperluan tanggungan nafkah anak sehingga berkahwin. Oleh kerana undang-undang juga tidak menyatakan bahawa nafkah anak perempuan akan terhenti setelah anak perempuan tersebut berkahwin maka roh dan semangat peruntukan seksyen 80 EUUKI hendaklah terpakai.

[11] Dengan merujuk kepada peruntukan seksyen 80 EUUKI Negeri Sembilan juga, Perayu menghujahkan bahawa tiada apa-apa perintah boleh dibuat oleh anak-anak yang melepasi umur 18 tahun kecuali tuntutan tersebut dibuat oleh anak itu sendiri.

Hujahan Responden

[12] Responden dalam hujahannya menghujahkan bahawa undang-undang menegaskan nafkah anak perempuan akan terhenti setelah anak itu berkahwin kerana tanggungjawab nafkah akan berpindah kepada suaminya. Responden juga merujuk kepada kes Rohana Zakaria lwn Abdul Talib [2008] 1 MSLR 129.

[13] Responden turut menghujahkan bahawa bukanlah tugas YA Hakim Bicara untuk meneliti terma perintah bahkan hanya memutuskan pelanggaran yang berlaku dari terma perintah.

[14] Selanjutnya Responden berhujah bahawa perintah nafkah tersebut adalah perintah yang sah dan masih berkuat kuasa.

ULASAN MAHKAMAH RAYUAN SYARIAH

[15] Bagi maksud rayuan ini, setelah meneliti Notis Rayuan, Alasan Rayuan, Rekod Rayuan, dan Penghujahan bertulis yang telah dikemukakan oleh pihak-pihak serta Alasan Penghakiman YA Hakim Bicara kami mendapati 2 isu yang menjadi persoalan dalam kes Rayuan di hadapan kami ini iaitu:

1. Samada YA Hakim bicara telah tersilap dari segi fakta Undang-undang dan Hukum Syarak apabila mengambil kira keperluan dan pembayaran nafkah anak bernama Azeera Sharkila binti Rusli boleh dikira terhenti setelah anak tersebut melangsungkan perkahwinannya pada 27 Mac 2015 sebagaimana dakwaan Pihak Responden/ Pemiutang Penghakiman di perenggan 9 Afidavit Sokongan bertarikh 28 Mac sedangkan peruntukan Seksyen 80 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Sembilan 2003 menyatakan sebaliknya; dan
2. Samada YA Hakim bicara telah tersilap dari segi fakta Undang-undang dan Hukum Syarak apabila hanya mengambil kira ikrar Perayu yang tidak membayar nafkah anak-anak terus ke akaun CIMB Responden yang mana selepas penghakiman bertarikh 12 Mac 2009, anak-anak

yang menjadi isu dalam tuntutan tinggal bersama Perayu tidak diambil kira.

[16] Isu 1: Samada YA Hakim bicara telah tersilap dari segi fakta Undang-undang dan Hukum Syarak apabila mengambil kira keperluan dan pembayaran nafkah anak Bernama Azeera Sharkila binti Rusli boleh dikira terhenti setelah anak tersebut melangsungkan perkahwinannya pada 27 Mac 2015 sebagaimana dakwaan Pihak Responden/ Pemiutang Penghakiman di perenggan 9 Afidavit Sokongan bertarikh 28 Mac sedangkan peruntukan Seksyen 80 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Sembilan 2003 menyatakan sebaliknya.

[17] Pihak Perayu dalam isu ini merujuk kepada Seksyen 80 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 yang memperuntukkan:

Kecuali—

- (a) jika sesuatu perintah bagi nafkah seseorang anak dinyatakan sebagai selama apa-apa tempoh yang lebih singkat;*
- (b) jika mana-mana perintah itu telah dibatalkan; atau*
- (c) jika mana-mana perintah itu dibuat untuk—*
 - (i) seseorang anak perempuan yang belum berkahwin atau yang, oleh sebab sesuatu hilang upaya dari segi otak atau jasmani, tidak berupaya untuk menanggung nafkah dirinya; atau*
 - (ii) seorang anak lelaki yang, oleh sebab sesuatu hilang upaya dari segi otak atau jasmani, tidak berupaya untuk menanggung nafkah dirinya,*

perintah bagi nafkah hendaklah habis tempoh apabila anak itu mencapai umur lapan belas tahun, tetapi Mahkamah boleh atas permohonan anak itu atau oleh mana-mana orang lain, melanjutkan perintah bagi nafkah itu supaya meliputi apa-apa tempoh tambahan yang difikirkannya munasabah, untuk membolehkan anak itu mengikuti pendidikan atau latihan lanjut atau lebih tinggi.

[18] Perayu menghujahkan bahawa adalah menjadi fakta yang dipersetujui pihak-pihak bahawa semasa perintah dibuat pada 12 Mac 2009, anak yang bernama Azeera Sharkila telahpun berusia 19 tahun. Berdasarkan peruntukan seksyen 80, Perayu menghujahkan tiada apa-apa perintah boleh dibuat berkaitan perintah anak-anak yang melepasi umur 18 tahun kecuali tuntutan tersebut dibuat oleh anak itu sendiri.

[19] *Kami* berpendapat berdasarkan peruntukan tersebut perkataan 'hendaklah' dalam seksyen tersebut membawa maksud apabila anak mencapai umur 18 tahun, maka perintah nafkah tersebut adalah terhenti secara automatik kecuali dalam hal keadaan berikut iaitu:

- (a) jika sesuatu perintah bagi nafkah seseorang anak dinyatakan sebagai selama apa-apa tempoh yang lebih singkat;
- (b) jika mana-mana perintah itu telah dibatalkan; atau
- (c) jika mana-mana perintah itu dibuat untuk—

[1] seseorang anak perempuan yang belum berkahwin atau yang, oleh sebab sesuatu hilang upaya dari segi otak atau jasmani, tidak berupaya untuk menanggung nafkah dirinya; atau

[2] seorang anak lelaki yang, oleh sebab sesuatu hilang upaya dari segi otak atau jasmani, tidak berupaya untuk menanggung nafkah dirinya,

[20] Berbalik kepada kes di hadapan kami ini, perintah tersebut adalah Perintah Nafkah yang direkodkan secara persetujuan bersama pihak-pihak yang mana telah memerintahkan Perayu membayar nafkah seorang anak iaitu Azeera Sharkila binti Rusli sebanyak RM350 sebulan. Pada masa perintah tersebut diberikan anak tersebut telah pun berumur melebihi 18 tahun.

[21] Semasa perintah nafkah tersebut diperoleh juga, pihak-pihak terutamanya Perayu tidak membuat bantahan terhadap tuntutan nafkah tersebut. Justeru pada hemat kami apabila bantahan tidak dibuat maka perintah tersebut adalah hendaklah dipatuhi selagi tidak ada perintah lain yang mengubah atau membatalkannya.

[22] Kami juga berpandangan sekiranya Perayu berhasrat membantah tuntutan nafkah bagi anak yang melebihi umur 18 tahun sepatutnya Perayu berbuat demikian semasa tuntutan nafkah dibuat dan bukannya dalam kes ini. Kami bersetuju dengan hujahan Responden bahawa dalam kes SPP ini YA Hakim Bicara hanya boleh melihat dan memutuskan isu-isu berkaitan perlanggaran terma-terma perintah nafkah anak sahaja dan ruang untuk Perayu mempertikaikan *locus* ataupun keesahan perintah adalah dengan prosedur Rayuan dan ruang sewajarnya telah diperoleh oleh Perayu setelah perintah tersebut diperoleh.

[23] Kami dalam masa yang sama juga dengan hormatnya ingin merujuk kepada peruntukan seksyen 94 Enakmen Tatacara Mal.

Seksyen 94. Penyelesaian tindakan

Jika dengan persetujuan pihak-pihak sesuatu tindakan telah diselesaikan, Mahkamah boleh pada bila-bila masa dengan persetujuan pihak-pihak itu merekodkan hakikat penyelesaian itu dengan terma-termanya, dan rekod penyelesaian itu hendaklah menjadi pembelaan dengan cara *res judicata* dalam tindakan kemudiannya bagi kausa tindakan yang sama, atau bagi kausa tindakan yang pada matannya adalah sama.

[24] Begitu juga Arahan Amalan No. 5 2006: Kesan perjanjian Sulh yang menyatakan bahawa kesan perjanjian persetujuan Sulh yang menepati kehendak Hukum Syarak yang telah direkodkan dan disahkan oleh Mahkamah tidak boleh ditarik balik dan tidak boleh dirayu oleh pihak-pihak yang terlibat dengan perjanjian persetujuan tersebut.

Isu 2: Samada YA Hakim bicara telah tersilap dari segi fakta Undang-undang dan Hukum Syarak apabila hanya mengambilkira ikrar Perayu yang tidak membayar nafkah nak-anak terus ke akaun CIMB Responden yang mana selepas penghakiman bertarikh 12 Mac 2009, anak-anak yang menjadi isu dalam tuntutan tinggal bersama Perayu tidak diambilkira. Anak bernama Azeera Sharkila binti Rusli tinggal bersama Perayu sehingga Disember 2011 dan kemudian tinggal di asrama sehingga selesai SPM 2013. Dalam tempoh tersebut keseluruhan perbelanjaan makan dan minum dan persekolahan ditanggung oleh Perayu.

[25] Penelitian kami terhadap Rekod Rayuan mendapati isu ini telah diulas oleh YA Hakim Bicara dalam penghakimannya sebagaimana berikut:

“Penghutang Penghakiman turut memaklumkan bahawa ketika perintah tersebut dibuat anak-anak berada bawah jagaannya sebagaimana perintah hadhanah kes mal 05100-028-0103-2009 bertarikh 12 Mac 2009. Suka mahkamah jelaskan bahawa sungguhpun anak-anak dijaga oleh pihak yang perlu membayar nafkah, perintah nafkah tersebut wajib dipatuhi, selagimana tiada perintah lain yang membatalkannya. Malah adalah tidak wajar Penghutang Penghakiman menggunakan alasan lain untuk tidak mematuhi persetujuan yang telah dibuat.”

[26] Kami dalam hal ini bersetuju dengan YA Hakim Bicara dengan menyatakan tanggungjawab membayar nafkah tidak tertakluk kepada siapa penjaga anak-anak tersebut.

[27] Dalam hal ini kami dengan hormatnya merujuk kepada peruntukan Seksyen 72 dan 73 Undang-undang keluarga Islam

“Seksyen 72. Kewajipan menanggung nafkah anak

(1) Kecuali jika sesuatu perjanjian atau sesuatu perintah Mahkamah memperuntukkan selainnya, maka adalah menjadi kewajipan seseorang lelaki menanggung nafkah anaknya, sama ada anak itu berada dalam jagaannya atau dalam jagaan seseorang lain, sama ada dengan mengadakan bagi mereka tempat tinggal, pakaian, makanan, perubatan, dan pelajaran sebagaimana yang munasabah memandang kepada kemampuan dan taraf kehidupannya atau dengan membayar kosnya.

Seksyen 73. Kuasa Mahkamah memerintahkan nafkah bagi kanak-kanak

(1) Mahkamah boleh pada bila-bila masa memerintahkan seorang lelaki membayar nafkah untuk faedah mana-mana anaknya—

(a) jika dia telah enggan atau cuai mengadakan peruntukan dengan munasabah bagi anaknya itu;

(b) jika dia telah meninggalkan langsung isterinya dan anaknya itu adalah dalam jagaan isterinya;

(c) dalam masa menanti keputusan sesuatu prosiding hal ehwal suami isteri; atau

(d) apabila membuat atau selepas daripada membuat suatu perintah meletakkan anak itu dalam jagaan seseorang lain.

[28] Berdasarkan peruntukan seksyen 72 tersebut, keberadaan anak tidak menjadi alasan pembayaran nafkah anak itu terhenti. Kewajipan seorang lelaki untuk

menanggung nafkah anaknya tanpa mengira anak tersebut berada di dalam jagaannya atau jagaan orang lain.

[29] Walau bagaimanapun kaedah melaksanakan pembayaran nafkah tertakluk kepada persetujuan pihak-pihak atau perintah mahkamah. Dalam kes di hadapan kami ini berdasarkan persetujuan pihak-pihak kaedah pembayaran yang dipersetujui adalah melalui pembayaran wang ke akaun anak yang bernama Azeera Sharkila binti Rusli.

[30] Kami selanjutnya ingin menarik perhatian pihak-pihak terutamanya Perayu bahawa Islam sangat menuntut agar setiap mukmin menunaikan janji sebagaimana firman Allah SWT di dalam surah al Maidah ayat 1 -

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَوْفُوا بِالْعُقُودِ

Maksudnya “ *Wahai orang-orang yang beriman, penuhi serta sempurnakanlah perjanjian-perjanjian.*”

[31] Sheikh Dr Wahbah al Zuhaili dalam mentafsirkan ayat di atas berpendapat -

“ Janji adalah satu sifat yang terpuji. Menyalahi janji adalah satu sifat khianat dan nifaq. Melaikan perjanjian yang telah dibuat merupakan sikap yang boleh menyebabkan hilangnya kepercayaan. Maka, secara syarak, wajib untuk menepati janji. Sesiapa yang menyalahi dan tidak menepati janji yang telah dilakukan, sebenarnya dia telah melakukan maksiat dan dosa.”

(Rujuk al Tafsir al Munir, 15/73)

[32] Selain itu Allah SWT juga memerintahkan umat Islam supaya menunaikan janji sebagaimana firman Allah SWT lagi dalam surah al Isra' ayat 34 -

وَأَوْفُوا بِالْعَهْدِ إِنَّ الْعَهْدَ كَانَ مَسْئُولًا

Maksudnya “ dan sempurnakanlah perjanjian (dengan Allah dan dengan manusia), sesungguhnya perjanjian itu akan ditanya.”

[33] Menunaikan janji begitu penting dalam Islam sehingga mereka yang memungkirinya dianggap sebagai munafik sebagaimana maksud hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA -

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ آيَةُ الْمُنَافِقِ ثَلَاثٌ إِذَا حَدَّثَ كَذَبَ وَإِذَا وَعَدَ

أَخْلَفَ وَإِذَا أُؤْتِمِنَ خَانَ

Dari Abu Hurairah dari Nabi SAW, baginda bersabda: “Tanda munafik ada tiga; jika berbicara dia dusta, jika berjanji ia mengingkari dan jika diberi amanah dia khianat”.(HR Bukhari No: 32)

[34] Perayu juga diingatkan tidak sewenang-wenang enggan membayar nafkah seperti yang telah dipersetujui dengan pelbagai alasan sebaliknya Perayu mempunyai *remedi* lain sekiranya tidak berkemampuan lagi untuk menanggung pembayaran nafkah tersebut dengan membuat permohonan perubahan perintah.

[35] Oleh yang demikian, berdasarkan ulasan-ulasan tersebut, kami berpuas hati bahawa Perayu tidak dapat menunjukkan kepada kami kekhilafan YA Hakim Bicara yang mewajarkan kami untuk campur tangan dalam perintah tersebut.

KEPUTUSAN

SETELAH kami meneliti Notis Rayuan, Alasan Rayuan, Rekod Rayuan dan Hujahan Pihak-Pihak, **MAKA KAMI** sebulat suara memutuskan sebagaimana yang berikut --

1. Rayuan Perayu ini adalah **DITOLAK**.
2. Perintah Mahkamah Tinggi Syariah bertarikh 10 September 2020 dalam Kes Saman No. : 05200-037-0319-2018 adalah **DIKEKALKAN**.

Penghakiman ini diberikan oleh:

-
1. **YAA DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NAI'IM BIN HAJI MOKHTAR**
Pengerusi
Panel Hakim Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Sembilan

Dipersetujui oleh:

-
2. **YA DATO' HAJI MOHD AMRAN BIN MAT ZAIN**
Panel Hakim Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Sembilan

Dipersetujui oleh:

-
3. **YA DATO' HAJI HUSSIN BIN HAJI HARUN**
Panel Hakim Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Sembilan